

09/10/1999

Malaysia jadi model negara Selatan Afrika

Saodi Mat Atar

DI JALAN utama di bandar pelancongan Victoria Falls, Zimbabwe, yang lebih layak dipanggil pekan kecil, Chilli Boy, memujuk seorang pelawat Eropah agar menaiki teksinya.

"Anda boleh membantu hidup saya. Anda hanya perlu memberi saya satu urusan perniagaan hari ini," kata lelaki berusia 25 tahun itu apabila pelawat terbabit menggeleng kepala enggan menaiki teksinya.

Boy merungut kerana amat memerlukan wang berikutan harga barangan pengguna semakin mahal kerana kebanyakannya diimport. Kadar inflasi menakutkan sehingga melebihi 60 peratus, akibat mata wang negaranya semakin teruk kerana serangan spekulator dan eksploitasi bank asing.

Beberapa kilometer dari tempat Boy menghabiskan masa seharian memikat pelancong agar menaiki teksinya bagi mencari nafkah keluarga, pemimpin negara Komuniti Pembangunan Selatan Afrika (SADC) berhimpun mencari jalan memperkasakan ekonomi penduduk peribumi.

Perhimpunan pemimpin selama tiga hari dalam perkhemahan di tebing Sungai Zambezi itu, sebenarnya tidak menarik perhatian Boy yang lebih dahagakan pendapatan demi menyara keluarga bagi mengubah masa depannya.

Namun dia bersama seluruh rakyat Zimbabwe, malah hampir keseluruhan penduduk peribumi 14 negara SADC, sedar bahawa masa depan mereka bukan saja belum menampakkan cahaya yang terang malah semakin berbalam.

"Saya harap mereka (pemimpin) dapat melakukan sesuatu hasil perhimpunan itu. Kami sudah tidak sanggup lagi melihat kehidupan semakin sukar ini," katanya apabila diberitahu mengenai matlamat Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) 99 di tebing Sungai Zambezi itu.

Said ketiga itu meletakkan matlamat dengan bertemakan kaum peribumi mereka masih ketinggalan jauh di bumi sendiri.

Tema berkenaan dipilih selaras SADC melihat Malaysia sebagai model pembangunan berasaskan penyusunan semula dalam penguasaan kegiatan ekonomi agar tidak terhad atau dimonopoli kelompok tertentu. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi penghormatan untuk menjelaskan pengalaman Malaysia dalam menguruskan semula kuasa ekonomi itu selain menangkis serangan dari luar terutama ke atas mata wang dan pasaran saham.

Bermula pada majlis makan malam tidak formal menjelang Said itu, Perdana Menteri diminta menerangkan mengenai tindakan Malaysia sehingga mampu mencapai kejayaan sepanjang hampir tiga dekad lalu.

Malaysia dijadikan model kerana keadaan ketika negara mencapai kemerdekaan tidak banyak berbeza dengan negara SADC sekarang yang mendapati cabaran utama mereka ialah masalah kemiskinan serta pengangguran.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menghuraikannya dengan terperinci dan peringkat demi peringkat bagaimana Malaysia sebenarnya lebih bermasalah kerana dihuni penduduk pelbagai kaum.

Bagaimanapun kerajaan dengan jenteranya mampu mengubah bentuk ekonomi kaum Bumiputera menerusi Dasar Ekonomi Baru yang mewujudkan banyak peluang kepada peribumi menyertai kegiatan utama ekonomi.

Fungsi pelbagai agensi kerajaan seperti Mara, pembukaan tanah baru menerusi skim Felda dan pembabitatan Orang Melayu dalam saham amanah menerusi Permodalan Nasional Berhad, menarik perhatian negara miskin Afrika.

Begitu pun, mereka bukan saja tidak dapat berpandu sepenuhnya dengan pengalaman dan kaedah digunakan Malaysia, malah untuk mencongak sekali pun

adalah sukar kerana dihalangi soal paling asas iaitu kestabilan politik.

Dalam aspek itu, Malaysia bertuah kerana mempunyai kerajaan yang kuat sekali gus mewujudkan kestabilan politik bagi membolehkan penumpuan terhadap usaha memastikan pengagihan kekayaan dilakukan secara adil.

Seperti kata Dr Mahathir, keadaan di Selatan Afrika amat sukar membangun bagi mengagihkan kekayaan kepada kaum peribumi, disebabkan kerajaannya yang dipilih secara demokrasi, mudah diserang pelbagai pihak.

"Mereka (SADC) sebagai kerajaan demokrasi tidak cukup kuat dan selalu diserang. Apa saja yang mereka ingin lakukan, mereka diserang termasuk oleh pembangkang.

"Kita bertuah kerana kerajaan kita kuat dan mampu melepasi halangan. Kalau ada kesilapan, kita dapat baiki dalam tempoh tertentu. Di sini, jika mereka (kerajaan) buat kesilapan, mereka mungkin tidak kekal sebagai kerajaan," katanya.

Kepemimpinan Zimbabwe di bawah teraju Presiden Robert Mugabe, misalnya, berdepan dengan tekanan media dan kebangkitan pergerakan kesatuan sekerja yang kini membentuk parti pembangkang.

Tekanan sedemikian semakin buruk apabila keupayaan kerajaannya menjadi semakin terhad disebabkan pelbagai syarat dan peraturan dikenakan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan agensi pemberi hutang luar negara.

Nilai zim yang lebih setahun lalu bertahan pada kadar 14 zim bagi setiap AS\$1, merosot kepada 37 zim dan dilaporkan ia akan terus merudum sehingga melebihi 40 hingga 42 zim.

Apa yang dapat diharapkan oleh penduduk peribumi seperti Boy, jika keadaan itu tidak berubah. Apatah lagi sumber eksport negaranya amat bergantung kepada komoditi seperti tembakau yang semakin merosot harganya sedangkan hampir semua barangan terpaksa diimport.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe, Ali Abdullah, berpendapat bahawa negara berkenaan perlu berusaha melahirkan kelas menengah seperti di Malaysia bagi mewujudkan ketahanan ekonomi penduduknya.

Masalah itu boleh dikatakan menyelubungi hampir semua 14 negara SADC yang mengumpulkan 194 juta penduduk, dan ia kelihatan hampir mustahil dengan kadar pengangguran mencapai sehingga tahap 40-50 peratus.

Hanya Afrika Selatan lebih cergas dalam ekonomi dengan menguasai lebih 70 peratus kegiatan di rantau berkenaan, meninggalkan jauh negara kedua paling tinggi iaitu Zimbabwe dengan 4.5 peratus diikuti Tanzania (3.5 peratus). Baki 18 peratus lagi dikongsi 11 negara SADC lain.

Itulah realiti dihadapi negara Selatan Afrika, walhal mereka berada dalam kelompok etnisiti yang sama, sekali gus latarbelakang itu seharusnya boleh dijadikan asas perkongsian bijak demi kepentingan rantau mereka sendiri.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif Commercial Bank of Zimbabwe, Gideon Gono, memberitahu Said 99, bahawa persamaan itu seharusnya mendorong negara SADC mengambil sikap saling melengkapi dan bukannya bersaing sesama sendiri.

"Tidak perlu sesiapa antara kita menghembus api lilin jiran kita supaya ia padam berikutan kepercayaan yang salah bahawa api milik kita menjadi semakin marak.

"Marilah kita mencari penyelesaian menang-menang menerusi konsep perkongsian pintar," katanya.

Semua itu, pastinya memberi harapan tinggi kepada peribumi seperti Boy, yang sentiasa mengimpikan dia sekurang-kurangnya memiliki lilin untuk dinyalakan pada masa depan.

(END)